



Working Paper No. 14, May 2007

**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN  
ANAK-ANAK KAUM PENAN:  
KAJIAN KES DI HILIR TINJAR, BARAM, SARAWAK**

**Wan Sofiah Meor Osman**

**Working Paper Series**  
**Faculty**  
**of**  
**Social Sciences**

uni  
LB  
1048.5  
W244

**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK  
KAUM PENAN : KAJIAN KES DI HILIR TINJAR, BARAM,  
SARAWAK**

**Wan Sofiah Meor Osman**

**Fakulti Sains Sosial  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**LATAR BELAKANG**

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan di luar negara mengenai penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak (Keith & Keith, 1993; Ho Sui-Chu & Willms, 1996; Baker & Soden, 1997; Hoover-Dempsey & Sandler, 1997; Catsambis, 1998; Fan & Chen, 1999; Izzo, Weissberg, Kaspraw, & Fendrich, 1999; Miedel & Reynolds, 1999; Pena, 2000; Downey, 2002; Mapp, 2002). Kajian-kajian tersebut memperlihatkan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pendidikan anak-anak mereka. Menurut Hendersen dan Mapp (2002) banyak kajian mendapati pelajar-pelajar yang ibu bapanya terlibat dengan pendidikan mereka akan mencapai keputusan yang cemerlang, lulus peperiksaan, kerap ke sekolah, mempunyai kemahiran sosial dan tingkah laku yang baik, dapat menyesuaikan diri dengan baik di sekolah dan berjaya menamatkan persekolahan. Manakala Wissbrun dan Eckart (1992) pula menyatakan ibu bapa mempunyai tanggungjawab utama dalam pendidikan anak-anak mereka. Banyak perkara yang dipelajari oleh anak-anak seperti kemahiran komunikasi, nilai, tradisi dan kebijaksanaan melalui pengalaman dan contoh yang diberikan oleh ibu bapa. Ibu bapa merupakan penjaga, pendidik dan individu pertama yang bergaul dengan anak-anak (Berger, 2000). Ibu bapa juga merupakan pendorong berterusan dalam pendidikan anak-anak bermula dari mereka lahir hingga dewasa.

Kajian-kajian lepas ini telah membuktikan bahawa penglibatan ibu bapa memberi kesan kepada pendidikan anak-anak. Dalam kajian ini, pengkaji juga berminat untuk mengkaji penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Jika kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada masyarakat bandar, sub-bandar dan luar bandar tetapi kajian ini meneroka aspek-aspek dan tahap penglibatan ibu bapa dalam persekitaran yang agak berbeza iaitu dalam kalangan kaum

pribumi yang telah menetap di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak. Kaum ini dikenali sebagai kaum Penan yang merupakan salah satu daripada 26 kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak (Khaidir Ahmad, 1994). Kehidupan kaum pribumi minoriti ini tidak banyak berbeza dengan kaum pribumi lain di Sarawak contohnya kaum Iban, Berawan dan Orang Ulu. Mereka tidak lagi mengamalkan kehidupan nomad yang bergantung sepenuhnya kepada hasil hutan dan berburu. Mereka bercucuk tanam (padi bukit, ubi kayu, pokok buah-buahan dan lain-lain), menoreh getah dan menangkap ikan bagi menyara kehidupan.

## Kajian Lepas

LeBlanc (1992) menyatakan interaksi ibu bapa dengan pihak sekolah boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu penglibatan ibu bapa dan penyertaan ibu bapa. Beliau telah menggunakan definisi yang dikemukakan oleh Don Davies, presiden *Institute for Responsive Education* bagi menerangkan kedua-dua istilah ini. Penglibatan ibu bapa merujuk kepada semua jenis aktiviti yang secara umumnya menyokong sekolah dan program yang dijalankan. Manakala penyertaan ibu bapa pula wujud apabila ibu bapa mempengaruhi atau cuba mempengaruhi pembuatan keputusan pihak sekolah yang membabitkan personel, program dan bajet. Catsambis (1998) telah mengemukakan kerangka enam jenis penglibatan ibu bapa yang telah diutarakan oleh Epstein (1992, 1995) iaitu kewajipan ibu bapa (*parent obligations*), komunikasi ibu bapa/sekolah (*parent/school communicating*), sokongan terhadap sekolah (*support of school*), aktiviti pembelajaran di rumah (*learning activities at home*), pembuatan keputusan (*decision making*) dan bekerjasama dengan komuniti (*collaborating with community*).

Ho Sui-Chu dan Willms (1996) pula telah mengenal pasti terdapat empat jenis penglibatan yang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu dilakukan di rumah dan di sekolah. Di rumah, penglibatan merangkumi perbincangan aktiviti sekolah dan penyeliaan aktiviti luar sekolah. Manakala di sekolah pula, penglibatan dilihat dari segi mempunyai hubungan dengan staf sekolah, penyertaan secara sukarela dalam aktiviti di sekolah dan menghadiri mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Fan dan Chen (1999) dalam kajiannya telah mengenal pasti beberapa aspek penglibatan ibu bapa iaitu ibu bapa mempunyai aspirasi terhadap pendidikan anak-anak seperti jangkaan terhadap pencapaian akademik; komunikasi mengenai hal berkaitan sekolah seperti kerja rumah dan program sekolah; menyelia aktiviti anak-anak seperti kerja rumah, menonton televisyen dan selepas waktu sekolah; penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti sekolah seperti menawarkan diri, menghadiri acara-acara sekolah dan penglibatan secara umum. Kajian mereka mendapati aspirasi ibu bapa mempunyai hubungan paling kuat dengan pencapaian akademik pelajar.

Williams (1998) menggunakan model produktiviti pendidikan yang dikemukakan oleh Walberg (1984) dalam kajiannya untuk menerangkan mengenai penglibatan ibu bapa. Terdapat tiga aspek penglibatan ibu bapa iaitu pertama, usaha ibu bapa yang membabitkan hubungan dengan pihak sekolah, jangkaan pelajar dan perbincangan dengan pelajar. Kedua, melibatkan sokongan pendidikan yang merujuk kepada jumlah masa diperuntukkan untuk belajar di luar sekolah dan ketiga, sokongan persekitaran yang meliputi pembelajaran di rumah, kualiti sekolah, mengenali rakan pelajar dan aktiviti di luar sekolah.

Wissbrun dan Eckart (1992) pula menerangkan proses penglibatan ibu bapa boleh dibahagikan kepada empat hierarki iaitu pemerhati (*spectator*), menyokong (*support*), melibatkan diri (*engagement*) dan pembuatan keputusan (*decision making*). Pada tahap pemerhati, ibu bapa melihat sekolah dan guru sebagai autoriti berautonomi yang tidak ingin ibu bapa campur tangan. Peranan ibu bapa pada tahap ini adalah terbatas. Kehadiran pelajar ke sekolah dilihat sebagai tanggungjawab pihak sekolah. Komunikasi pihak sekolah dengan ibu bapa tidak dipedulikan. Reaksi ibu bapa terhadap sekolah adalah berdasarkan pengalaman dan situasi kehidupan mereka. Segelintir ibu bapa yang mempunyai pengalaman negatif di sekolah menyebabkan mereka kurang berminat terhadap persekolahan. Tekanan kehidupan keluarga menyebabkan mereka tidak boleh menerima tanggungjawab-tanggungjawab lain. Berbeza dengan tahap menyokong, ibu bapa ingin melaksanakan beberapa peranan dalam pendidikan anak-anak tetapi masih lagi menganggap sekolah sebagai sebuah autoriti berautonomi. Sekiranya diminta melakukan sesuatu mereka akan melakukannya jika tugas tersebut tidak mengambil masa yang lama dan menggunakan tenaga yang banyak. Mereka akan hadir ke

sekolah sekiranya diminta oleh pihak sekolah untuk berbuat demikian. Ciri-ciri yang lain termasuklah memastikan anak-anak hadir ke sekolah, mengukuhkan tingkah laku yang diharapkan di sekolah, memastikan kerja sekolah disiapkan, membaca dan memberi maklum balas terhadap sebarang bentuk komunikasi pihak sekolah. Penglibatan ibu bapa pada tahap ini adalah berdasar kepada kepercayaan bahawa pendidikan merupakan cara untuk anak-anak mereka mencapai kehidupan yang lebih baik daripada kehidupan mereka sendiri.

Peranan yang lebih dimainkan pada tahap melibatkan diri. Ibu bapa melihat wujudnya hubungan saling menghormati antara mereka dengan pihak sekolah. Penyertaan ibu bapa berdasarkan kepada dua keperluan iaitu pertama, memantau sekolah dan impaknya kepada anak-anak dan kedua, untuk dilihat terlibat sama dalam persekolahan anak-anak. Pada tahap ini ibu bapa diharap dapat menerima tanggungjawab sebagai pemimpin untuk menyokong sekolah, memanfaatkan dan menyampaikan sumber maklumat kepada sekolah dan komuniti, menghadiri mesyuarat PIBG dan acara-acara yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan juga bertugas sebagai sukarelawan atau individu yang menjadi sumber rujukan yang dapat berkongsi minat, bakat dan pengetahuan dengan pelajar-pelajar. Tahap yang terakhir iaitu pembuatan keputusan membahagikan peranan ibu bapa kepada dua aspek utama. Pertama, ibu bapa akan menjadi sebahagian daripada ahli lembaga dan ahli jawatankuasa bagi merangka matlamat dan arah tuju sekolah dan kedua, ibu bapa akan memulakan dan mengarahkan aktiviti-aktiviti khas ibu bapa dan guru.

Berdasarkan definisi, kerangka dan model yang telah dikemukakan, pengkaji telah mengambil beberapa variasi penglibatan ibu bapa untuk dikaji. Maka fokus diberikan kepada empat aspek utama iaitu ibu bapa memperlihatkan nilai terhadap pendidikan, ibu bapa menunjukkan minat terhadap pembelajaran anak-anak, ibu bapa meletakkan jangkaan terhadap pencapaian akademik anak-anak dan penglibatan ibu bapa dengan sekolah anak-anak.

## **METODOLOGI**

### **Kawasan Kajian dan Responden**

Tiga buah rumah panjang kaum Penan di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak telah dipilih untuk dikaji iaitu Rumah Mat (13 pintu), Rumah Bris (22 pintu) dan

Rumah Paking Idoi (33 pintu). Sekolah rendah yang paling hampir dengan Rumah Mat dan Rumah Bris terletak di Sungai Meno yang telah dibina pada tahun 1990-an. Kenderaan yang biasa digunakan untuk ke sekolah ialah bas awam. Bagi Rumah Paking Idoi pula sekolah rendah yang paling hampir letaknya di Long Bok yang telah dibina pada tahun 1975 dan hanya dapat dihubungi dengan menggunakan bot atau sampan. Secara purata, masa yang diambil untuk ke sekolah rendah adalah antara 20 hingga 30 minit dan pihak sekolah juga menyediakan kemudahan asrama. Sekolah menengah yang paling hampir letaknya di Marudi (melalui jalan air) dan Bakong (melalui jalan darat) yang mengambil masa kira-kira sejam hingga dua jam perjalanan. Mereka yang bersekolah menengah biasanya tinggal di asrama sekolah. Semua rumah panjang ini terletak berhampiran dengan pekan kecil Lapok yang sedang membangun.

Data soal selidik telah diperoleh daripada 53 isi rumah dan merupakan dapatan awal kajian. Data ini telah dikumpulkan pada bulan Jun 2004. Manakala data temu bual tersebut dikumpulkan pada bulan Mei 2005. Seramai 14 orang responden yang berumur antara 20 hingga 80 tahun telah ditemu bual. Data temu bual tersebut dikumpulkan bagi mendapat maklumat yang lebih mendalam mengenai kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, seramai lapan orang ibu dan enam orang bapa telah ditemu bual. Semua kaum ibu yang ditemu bual merupakan suri rumah dan mereka juga melakukan kerja-kerja kraf tangan seperti menganyam tikar untuk keperluan sendiri. Manakala bagi kaum bapa pula, kebanyakannya daripada mereka bertani dan menoreh getah.

Borang soal selidik telah diedar kepada semua isi rumah panjang yang terabit iaitu seramai 68 orang. Sebanyak 53 isi rumah telah melengkapkan borang soal selidik tersebut iaitu dengan kadar maklum balas sebanyak 77.9 peratus. Manakala sebanyak 15 isi rumah lagi tidak dapat melengkapkan borang soal selidik kerana tidak dapat ditemui semasa kajian dijalankan. Hal ini disebabkan ada dalam kalangan mereka telah berpindah dan bekerja di kem-kem balak atau bekerja di bandar-bandar. Soal selidik melihat kepada data demografi dan aspek pendidikan secara umum.

Data temu bual pula telah diperoleh daripada 14 orang responden melalui temu bual berstruktur. Setiap responden ditemu bual selama 45 minit hingga sejam di rumah masing-masing. Fokus temu bual adalah kepada empat aspek

utama penglibatan ibu bapa iaitu ibu bapa memperlihatkan nilai terhadap pendidikan, ibu bapa menunjukkan minat terhadap pembelajaran anak-anak, ibu bapa meletakkan jangkaan terhadap pencapaian akademik anak-anak dan penglibatan dengan sekolah anak-anak.

Aspek pertama, **ibu bapa memperlihatkan nilai terhadap pendidikan**, mengumpul maklum balas dari segi sebab menghantar anak-anak mereka ke sekolah, menunjukkan tjinakah laku yang boleh dicontohi atau diikuti (*modelling*) oleh anak-anak mereka dan menitikberatkan kehadiran anak-anak ke sekolah. Manakala aspek kedua, **ibu bapa menunjukkan minat terhadap pembelajaran anak-anak**, maklum balas terhadap perhatian yang diberikan kepada hal-hal pembelajaran dan sokongan pembelajaran dikumpulkan. Aspek yang ketiga pula, **ibu bapa meletakkan jangkaan terhadap pencapaian akademik anak-anak**, responden diminta memberi maklum balas mengenai pencapaian akademik anak-anak dan jangkaan mereka dalam pendidikan anak-anak. Aspek terakhir, **penglibatan ibu bapa dengan sekolah anak-anak**, memberi fokus kepada penglibatan responden dengan sekolah anak-anak yang membabitkan interaksi ibu bapa dan guru.

## **Hasil Kajian Dan Perbincangan**

Kertas kerja ini akan memfokus perbincangan kepada empat aspek utama penglibatan ibu bapa berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Dapatkan awal soal selidik dalam bentuk kekerapan dan peratusan turut digunakan untuk mengupas aspek-aspek berkaitan.

### **(a) Ibu bapa memperlihatkan nilai terhadap pendidikan**

Data soal selidik mendapati lebih separuh daripada responden iaitu 73.6 peratus berminat untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Perkara ini turut disokong oleh dapatkan temu bual iaitu ibu bapa mempunyai nilai yang positif terhadap pendidikan anak-anak mereka. Berikut adalah maklum balas responden apabila ditanya sebab mereka menghantar anak-anak ke sekolah:

*“Saya takut dia gila macam saya tidak tahu A, B, C tu, mahu anak sekolah tapi tak cukup duit, mahu ikut orang, macam orang lain, mahu macam Melayu, Iban, Cina.”*

*(Responden 1, ibu)*

*“Suruh pergi sekolah kerana saya tak dapat sekolah dulu, jangan ikut saya mesti kamu orang sekolah, begitu cakap saya, begitu hajat saya sama anak kerana dalam sekolah kita boleh ada fikiran sikit begitu kata saya, supaya dia cari penghidupan dia di masa depan kerana kami orang yang tua ni tidak dapat lagi, fikir dia orang kerana dalam dunia sekarang kalau tidak ada pelajaran tidak dapat lagi. Begitu rasa hati saya.”*

*(Responden 2, bapa)*

*“Takut dia macam sayalah tidak sekolah dulu, kalau bagi dia sekolah supaya dia pandai, pandai sekolah senang hidup lain kali tidak macam saya.”*

*(Responden 9, ibu)*

*“Supaya dia pandai, supaya dapat kerjalah. Dapat gaji, kalau dia besar nanti apa yang dia dapat kerjalah, bantu keluarga.”*

*(Responden 12, ibu)*

Ungkapan-ungkapan di atas jelas menunjukkan ibu bapa menyedari pendidikan adalah penting dan amat diperlukan untuk kehidupan masa kini. Kebanyakan ibu bapa juga tidak menghalang atau melarang anak-anak mereka untuk ke sekolah seperti diakui oleh salah seorang responden yang ditemui bual:

*“Macam tiada, belum pernah saya macam belum pernah dengar jualah macam yang larang anak-anak pergi sekolah tiada, memang dia orang mak bapak (bapa) memang kuat suruh anak sekolah tetapi anak punya gaya.”*

*(Responden 6, bapa)*

Ibu bapa ini tidak mahu anak-anak tidak bersekolah seperti mereka. Data soal selidik menunjukkan hanya seramai 32.1 peratus bapa yang bersekolah. Manakala peratusan yang bersekolah dalam kalangan ibu pula adalah lebih rendah iaitu 22.6 peratus. Majoriti daripada ibu bapa yang bersekolah ini hanya mendapat pendidikan sekolah rendah dan lebih daripada separuh tidak menamatkan persekolahan rendah mereka.

Langub (1985) dalam penulisannya mengenai kaum Penan yang telah menetap di kawasan Long Lapok 20 tahun yang lalu juga menyatakan perkara yang sama iaitu kaum Penan mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan. Lantaran daripada sikap inilah, kadar keciciran di peringkat sekolah rendah dapat dikurangkan. Tambahan pula, terbinanya sebuah lagi sekolah rendah berhampiran penempatan mereka pada tahun 1990-an. Masalah keciciran yang utama adalah di peringkat sekolah menengah. Menurut Khadir Ahmad (1994), secara umumnya kaum Penan yang telah menetap juga mempunyai sikap yang positif terhadap pembangunan. Nilai ini agak berbeza jika dibandingkan dengan kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang mempunyai kesedaran yang rendah terhadap kepentingan pendidikan (Juli Edo, 1984).

Kaum Penan ini melihat pendidikan dapat mengembangkan fikiran, membolehkan mereka mendapat pekerjaan, dapat meningkatkan tahap sosioekonomi keluarga dan dapat membangunkan kaum mereka seiringan dengan kaum lain. Walaupun mereka menyedari kepentingan pendidikan tetapi tidak banyak yang dapat dilakukan untuk menyekolahkan anak-anak kerana mereka tidak mampu dari segi kewangan. Pendapatan isi rumah adalah rendah dan tiada isi rumah yang memperolehi pendapatan lebih daripada RM500 sebulan. Kajian mendapati lebih 83 peratus isi rumah mempunyai pendapatan kurang daripada RM300 sebulan. Oleh yang demikian, ibu bapa membelanjakan hanya sebanyak RM30 hingga RM200 sebulan bagi persekolahan anak-anak mereka. Jumlah ini tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan persekolahan anak-anak mereka. Walaupun kerajaan turut memberi bantuan seperti pakaian seragam, kasut dan beg sekolah tetapi menurut mereka masih tidak mencukupi dan pemberian bantuan tersebut juga tidak konsisten.

Bilangan anak yang ramai juga telah menyebabkan usaha untuk menyekolahkan anak-anak menjadi bertambah susah. Data mendapati 50.8 peratus daripada isi rumah mempunyai empat orang atau lebih anak. Maka ada dalam kalangan anak-anak ini berhenti sekolah kerana keluarga tidak lagi mampu membiayai persekolahan mereka. Berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan 2002 jumlah pendapatan yang digariskan bagi negeri Sarawak adalah RM600.00 sebulan dengan saiz purata isi rumah 4.8 orang. Dengan merujuk kepada pendapatan garis kemiskinan ini didapati lebih daripada separuh kaum Penan ini dikategorikan sebagai miskin. Kemiskinan ini dibimbangi akan menghakis sikap positif mereka dan usaha mereka akan lebih tertumpu kepada kelangsungan hidup. Salah seorang responden telah memberi maklum balas berkaitan hal ini:

*“Ada budak-budak orang sini maok (mahu) sekolah... kerana kekurangan modal kita orang ini... macam budak tu maok (mahu) sekolah sebab tengok dalam berita, dalam radio ada juga dengar kemajuan orang lain, mungkin dia orang sekolah sikit-sikit tau... mana maok (mahu) tinggal sama macam neneh moyang kita dulu. Apa boleh kalau tidak ada rezeki... asalkan tauk hurup (tahu huruf) baguslah itu.”*

(Responden 10, ibu)

Faktor-faktor tersebut telah menyebabkan tahap pendidikan dalam kalangan anak-anak kaum Penan ini berada pada tahap yang rendah. Jadual 1 menunjukkan secara umum tahap pendidikan anak-anak kaum Penan.<sup>1</sup> Terdapat seramai 80 orang anak-anak kaum Penan ini sedang atau telah berhenti sekolah rendah. Manakala jumlah mereka yang sedang atau telah berhenti sekolah menengah adalah kecil iaitu 35 orang. Oleh itu, daripada jumlah yang dinyatakan menunjukkan berlakunya keciciran dalam kalangan anak-anak kaum Penan ini terutamanya di peringkat sekolah menengah. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, sekolah menengah letaknya jauh dari penempatan mereka. Oleh yang demikian, mereka memerlukan

---

<sup>1</sup> Data hanya melihat kepada tahap pendidikan tertinggi anak-anak secara umum dengan limitasi mereka tidak dikategorikan kepada sedang bersekolah atau telah berhenti sekolah.

perbelanjaan yang lebih tinggi untuk menyekolahkan anak-anak ke peringkat sekolah menengah.

### Jadual 1 : Tahap pendidikan anak-anak kaum Penan

Darjah (D)	D 1	D 2	D 3	D 4	D 5	D 6	Jumlah
Sekolah Rendah	12	8	12	13	7	28	80
Tingkatan (T)	T 1	T 2	T 3	T 4	T 5	T 6	Jumlah
Sekolah Menengah	18	12	0	4	1	0	35

Data mendapati tidak ramai daripada responden memperlihatkan nilai terhadap pendidikan dalam bentuk tingkah laku yang boleh dijadikan contoh atau ikutan (*modeling*) kepada anak-anak mereka. Hal ini disebabkan majoriti daripada ibu bapa sendiri tidak mendapat pendidikan dan bagi mereka tugas mendidik adalah tanggungjawab guru. Walaupun begitu, dua daripada responden yang ditemui bual menunjukkan contoh yang dapat menjadi ikutan anak-anak iaitu mereka berusaha untuk belajar di kelas dewasa yang dijalankan oleh pihak gereja. Manakala seorang lagi responden belajar membaca dan mengira daripada anaknya yang bersekolah. Mereka telah membuktikan usia bukan halangan untuk mereka belajar dan memperolehi sesuatu ilmu. Tingkah laku ini boleh dijadikan contoh oleh anak-anak untuk belajar dengan lebih tekun. Selain daripada itu, model “ibu bapa sebagai guru” mungkin paling sesuai untuk meluaskan dan mengekalkan penglibatan keluarga dalam pendidikan anak-anak (Hamby, 1992). Penyelidikan juga secara langsung telah mengaitkan pendekatan ini dengan peningkatan pencapaian akademik anak-anak.

Tentang kehadiran anak-anak ke sekolah pula didapati ibu bapa berusaha agar anak-anak mereka dapat ke sekolah. Terdapat ibu bapa yang menghantar sendiri anak-anak ke sekolah dengan menaiki sampan atau bot. Seorang ibu memberitahu beliau sanggup bersusah payah agar anaknya dapat ke sekolah seperti dinyatakan di bawah:

*“Kampung sini ada perauk (perahu), terpaksa jugak (juga) antar (hantar) budak. Dengan susah payah macam saya ni, mana orang jaga budak. Angkat ini satu, pegang jugak (juga). Petang-petang pun antar (hantar) jugak (juga) sebab mauk (mahu) budak maju dalam sekolah.”*

*(Responden 10, ibu)*

Data juga menunjukkan terdapat ibu bapa yang akan memaklumkan kepada pihak sekolah sekiranya anak mereka sakit dan tidak dapat ke sekolah. Sekiranya tiada sebarang alasan dan anak-anak tidak mahu ke sekolah, ibu bapa akan menasihati mereka dan ada juga yang memarahi tetapi ia bergantung kepada anak-anak sama ada ingin ke sekolah atau tidak. Jarang sekali ibu bapa mendesak atau mengambil tindakan tegas seperti menghukum atau merotan. Sekiranya anak-anak ini tidak ke sekolah tiada aktiviti tertentu yang dilakukan oleh mereka dan ibu bapa mereka juga tidak mengharap mereka membantu kerja-kerja untuk menyara kehidupan keluarga. Berikut adalah penyataan daripada seorang responden yang ditemui bual:

*“Anak tidak pergi sekolah tiada apa yang dibuat, ada jugak (juga) barang dia bikin (buat), dia buat, kait kelapa ka (ke) dia ikut pergi kebun la (lah) dia orang, dia main-main ikut pergi kebun bukan ada kerja apa tu. Bukan paksa dia memang mahu ikut juga.”*

*(Responden 7, bapa)*

Masalah ponteng dalam kalangan anak-anak kaum ini memang berlaku seperti yang dimaklumkan oleh salah seorang responden:

*“Tidak halang pergi sekolah, tapi ni pemandai (akal) budak kadang dia orang pura-pura pergi tidak masuk sekolah main luar cukup jam dia orangpun balik.”*

*(Responden 6, bapa)*

**(b) Ibu bapa menunjukkan minat terhadap pembelajaran anak-anak**

Ibu bapa mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai pendidikan tetapi minat yang kurang dalam hal-hal pembelajaran anak-anak. Lebih separuh daripada responden menyatakan mereka hanya mengambil tahu

secara umum hal-hal pembelajaran anak-anak. Mereka hanya melihat tugas atau projek yang dibuat oleh anak-anak sekiranya mempunyai masa. Mereka juga akan bertanya atau menyemak secara umum sama ada kerja rumah telah disiapkan dan menasihati anak-anak agar menyiapkan kerja rumah sebelum melakukan perkara-perkara lain. Hal ini dinyatakan seperti di bawah:

*“Ada...memang tengok check (semak) buku dia...berapa ari (hari) bulan, berapa ari (hari) bulan, takut dia bohong-bohong. Takut cikgu ada suruh bikin (buat) kerja rumah. Saya check (semak) beg sebab budak ini baruk (baru) primary (sekolah rendah) bah. Nanti dia datang letak beg sana. Terus mainlah dia. Macam ibu bapa ambik (ambil) berat check (semak) dia punya buku. Saya memang kerap kali bikin (buat) macam gitu (begitu). Saya tengok berapa ari (hari) bulan, hari berapa. Bapak (bapa) dia datang pun tengok.”*

(Responden 10, ibu)

*“Kalau dia balik sekolah, saya tanyak (tanya) dia. “Ada kerja rumahkah?” Kalau ada suruh dia buat. Kalau tidak tanyak-tanyak (tanya-tanya) ini macam, dia orang pergi main nanti tidak dia peduli dia punya kerja rumah.”*

(Responden 12, ibu)

*“Adalah. Kalau ada masa, malamkah, baru ada tanyak (tanya) sikit tentang pelajaran dia, tentang persekolahan dia, peperiksaan dia.”*

(Responden 13, ibu)

Walaupun ibu bapa mempunyai minat terhadap pembelajaran anak-anak, latar belakang kebanyakan ibu bapa yang tidak pernah bersekolah ini menghalang mereka untuk membimbing atau mengajar anak-anak memahami pelajaran mereka. Hal ini diakui sendiri oleh ibu bapa:

*“Macam mana, apa kamu tulis ni nak? Tidak, homework (kerja rumah) dia bilang (cakap), mana saya tahu. Tidak saya tahu lah. Dia bilang (cakap) sama saya saya kerja rumah.”*

(Responden 1, ibu)

*“Ada lihat anak buat apa tapi tak dapat bantu kerana tak tahu terang.”*

*(Responden 5, ibu)*

*“Pernah... ada pun saya tengok bukan saya pande (pandai) tu.”*

*(Responden 11, ibu)*

*“Kalau mereka balik sekolah, sudah kamu mandi, kamu belajar. Kalau kamu tidak belajar bagaimana kamu pandai. Saya tidak pandai apa-apa.”*

*(Responden 14, ibu)*

Lebih tidak menggalakkan apabila hampir semua responden yang ditemu bual tidak mengetahui kurikulum atau subjek-subjek yang diajar di sekolah. Jika ada yang tahu, mereka hanya mengetahui subjek-subjek asas seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Oleh itu, guru amat diharapkan dapat mengajar dan membantu anak-anak mereka agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Berikut adalah maklum balas mereka apabila ditanya:

*“Sayapun bagi tahu cikgu, saya harap sama cikgu kalau budak turun sekolah cikgu yang jadi mak bapak (bapa) budak sekolah, kalau balik rumah kita orang mak bapak (bapa) dia. Jangan takut ajar, pukul apa-apa, kalau ada kalau nakal dalam sekolahlah.”*

*(Responden 9, ibu)*

*“Tidak perhati, serah sama cikgu aja jika dia orang sudah sana.”*

*(Responden 6, bapa)*

Menyentuh tentang sokongan pembelajaran dari segi fizikal, dapatkan temu bual mendapati responden hanya mampu menyediakan keperluan asas yang begitu terbatas. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lebih daripada separuh kaum Penan ini tergolong dalam kategori miskin. Oleh itu, penyediaan keperluan asas persekolahan anak-anak juga menjadi masalah kepada mereka. Keadaan lebih buruk berlaku apabila ada dalam kalangan anak-anak ini terpaksa berhenti sekolah kerana kemiskinan ibu bapa terutamanya di peringkat sekolah menengah. Namun begitu, bagi

anak-anak yang bersekolah, galakan dan nasihat sentiasa diberikan oleh ibu bapa agar anak-anak mereka maju dalam persekolahan.

(c) **Ibu bapa meletakkan jangkaan terhadap pencapaian akademik anak-anak**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kebanyakan ibu bapa tidak bersekolah. Oleh yang demikian, mereka hanya mengetahui secara umum pencapaian akademik anak-anak mereka. Penyataan di bawah menerangkan tentang responden yang tidak memahami laporan kemajuan anaknya:

*“Tidak berapa tahu, kalau kamu mahu ambik (ambil) rendah dari ini, saya bukan tahu...macam mana kamu tengok ini.”*

*(Responden 1, ibu)*

Susulan daripada itu juga, sekiranya anak-anak mempunyai masalah akademik ibu bapa tidak dapat atau sukar menyelesaikannya. Mereka tidak tahu cara dan jalan penyelesaian bagi membantu anak-anak mereka. Ibu bapa ini cuma dapat berbincang secara umum tentang pencapaian anak-anak mereka dengan guru semasa menghantar anak-anak ke sekolah atau mereka diminta hadir untuk berjumpa guru. Data soal selidik menunjukkan 73.6 peratus responden melawat sekolah dan kadar yang sama juga berjumpa dan berbincang dengan guru tentang pelajaran anak-anak mereka.

Semua responden yang ditemu bual mempunyai hasrat yang tinggi agar anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Apabila anak-anak telah berjaya, ibu bapa juga berharap mereka akan dapat membantu keluarga. Agak menarik ibu bapa mempunyai sikap terbuka tentang pilihan pekerjaan anak-anak. Bagi mereka, anak-anak sendiri yang perlu menentukan bidang pekerjaan yang ingin dipilih. Tetapi adakalanya menurut mereka, anak-anak sendiri tidak mempunyai minat untuk belajar seperti penyataan berikut:

*“Cikgu tanya, apa macam kita punya anak tidak sekolah, dia bilang (cakap) kalau tidak sekolah apa macam makan? Saya bilang (cakap) dia orang tidak mahu.”*

*(Responden 7, bapa)*

Ada antara pelajar-pelajar ini berpeluang belajar di Semenanjung Malaysia dengan bantuan kerajaan. Tetapi ramai yang tidak menamatkan persekolahan dan kembali semula ke penempatan mereka seperti yang dinyatakan di bawah:

*“Banyak dia orang pergi duluk (dulu), balik tu tiada minat sekolah. Yang betul semangat dia orang mahu sekolah yang kurang, tiada dorongan dari rumah.”*

(Responden 6, bapa)

Data soal selidik berkaitan aspirasi anak-anak menunjukkan hanya 50.9 peratus berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dan hanya 43.5 peratus mempunyai cita-cita dalam bidang profesional dan separa profesional. Bidang pekerjaan yang dipilih adalah cenderung kepada pekerjaan yang biasa dilihat di kawasan penempatan mereka seperti doktor, jururawat, guru dan polis. Pilihan pekerjaan yang terbatas ini mungkin disebabkan mereka tidak begitu terdedah dengan dunia luar. Kawasan penempatan mereka yang jauh di pedalaman menyebabkan hubungan dengan dunia luar yang agak terbatas. Penempatan mereka juga tiada kemudahan elektrik dan air bersih. Mereka menggunakan penjana elektrik di waktu malam untuk menyalakan lampu dan tidak ramai yang mempunyai televisyen dan radio.

**(d) Penglibatan ibu bapa dengan sekolah anak-anak**

Ibu bapa mempunyai persepsi yang baik terhadap sekolah. Hubungan baik terjalin antara ibu bapa dengan guru. Terdapat ibu bapa yang bukan sahaja mengenali malah mengetahui dan mengingati nama guru yang mengajar anak-anak mereka. Ibu bapa boleh mendapatkan maklum balas daripada guru tentang anak-anak mereka dari segi pelajaran atau lain-lain perkara seperti yang dinyatakan oleh mereka dalam ungkapan-ungkapan di bawah:

*“Macam mana anak saya, adakah dia sekolah betul-betul sini? Macam mana dia belajar betul-betul ke tidak? Macam mana budak saya ni, pandai jugakkah (jugakkah)?”*

(Responden 1, ibu)

*“Apa gaya dia? Apa dia bikin (buat)? Apa dia punya rajin atau tidak rajin?”* (Responden 2, bapa)

*“Apa macam cikgu saya bilang (cakap), saya punya anak tidak mahu sekolah.”* (Responden 4, bapa)

*“Saya pergi cakap dengan cikgu kalau dia nakal, dia apa, terpulanglah pada cikgu didik pukul ka (ke), apa ka (ke) dia punya hukuman saya agak bagi la, jangan biarkan dia lemah begitu saja.”*

(Responden 8, bapa)

Perkara yang menarik dalam interaksi ibu bapa dengan pihak sekolah, selain daripada menyampaikan maklumat melalui anak yang bersekolah secara lisan atau melalui surat secara bertulis, perantara lain yang digunakan ialah penyampaian maklumat melalui wakil rumah panjang. Wakil rumah panjang ini adalah tuai rumah sendiri atau individu yang dihormati dalam masyarakat kaum Penan. Komunikasi seperti ini mendapat sambutan dan kerjasama yang lebih baik daripada ibu bapa. Biasanya ibu bapa akan hadir ke sekolah apabila diminta. Aktiviti-aktiviti yang dihadiri oleh mereka adalah seperti hari sukan, gotong royong membersih, membaiki dan mencantikkan sekolah. Tetapi bagi mesyuarat PIBG hanya segelintir sahaja yang berminat untuk menghadirinya dan menjadi ahli jawatankuasa. Ibu bapa juga menyumbang wang bagi tabung PIBG apabila diminta. Alasan ibu bapa untuk tidak terlibat dengan aktiviti PIBG adalah kerana mereka malas dan jarak sekolah yang jauh. Tambahan pula, jika mereka terlibat ia memerlukan komitmen sedangkan mereka perlu melakukan kerja-kerja harian yang lain.

Berdasarkan dapatan yang dibincangkan di atas, tahap penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak kaum Penan berada pada tahap yang rendah. Merujuk kepada hierarki penglibatan yang dikemukakan oleh Wissbrun dan Eckart (1992), tahap penglibatan ini terletak di antara tahap pemerhati (*spectator*) dan menyokong (*support*).

Ini kerana terdapat ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak mereka kerana latar belakang mereka sendiri yang tidak bersekolah. Namun begitu, terdapat juga ibu bapa yang memberi perhatian terhadap pembelajaran anak-anak dan berinteraksi dengan pihak sekolah.

Menariknya daripada kajian ini, didapati ibu bapa amat positif terhadap pendidikan dan menyedari kepentingan pendidikan. Sifat positif ibu bapa yang meletakkan nilai yang tinggi terhadap pendidikan dapat membantu usaha untuk mengurangkan keciciran dalam kalangan anak-anak kaum Penan ini. Ibu bapa mempunyai fikiran terbuka untuk menerima perubahan. Oleh itu, persekitaran pembelajaran yang baik boleh diwujudkan di rumah dan ini akan dapat membantu meningkatkan prestasi akademik anak-anak (Kellaghan, Sloane, Alvarez, & Bloom, 1993).

Kekangan utama dalam pendidikan anak-anak mereka ialah faktor kewangan dan kurangnya peranan ibu bapa dalam pembelajaran serta pemantauan pencapaian akademik anak-anak. Terdapat ibu bapa yang tidak mampu melaksanakan tanggungjawab menyekolahkan anak-anak mereka kerana kemiskinan. Keperluan persekolahan anak-anak mereka tidak terurus. Anak-anak kaum Penan ini juga terdedah kepada jangkitan penyakit, pemakanan yang tidak seimbang dan mempunyai daya imunisasi yang lemah. Menurut Downey (2002), anak-anak akan menunjukkan prestasi cemerlang di sekolah sekiranya pembelajaran mereka tidak terganggu oleh masalah kelaparan, penyakit fizikal dan masalah kesihatan yang lain. Jarak sekolah yang jauh dan keperluan untuk tinggal di asrama menyebabkan kos persekolahan anak-anak menjadi besar terutamanya bagi anak-anak yang bersekolah menengah. Terdapat anak-anak yang masih kecil dan tidak mampu menjaga diri sendiri terpaksa tinggal di asrama. Kebimbangan ibu bapa adalah terhadap keselamatan dan kebajikan anak-anak mereka. Terdapat beberapa contoh perkara ini tidak diberi perhatian oleh pihak sekolah. Anak-anak ini selain daripada berasa rindu kepada keluarga, ada juga yang berasa bimbang tinggal berseorangan di asrama terutamanya semasa cuti sekolah kerana tidak mampu untuk kembali ke penempatan mereka. Akhirnya, faktor-faktor seperti ini menyebabkan anak-anak berhenti sekolah.

Pencapaian akademik dalam kalangan anak-anak kaum Penan ini secara umumnya adalah lemah. Salah satu faktor yang menyumbang kepada perkara ini adalah kurangnya peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam pembelajaran dan pemantauan pencapaian akademik anak-anak. Hal ini disebabkan mereka sendiri tidak bersekolah dan kurang kemahiran keibubapaan dalam membimbing anak-anak mereka. Ibu bapa ini mempunyai jangkaan yang tinggi untuk melihat anak-anak berjaya dalam pelajaran. Jangkaan yang tinggi secara konsistennya mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar (Downey, 2002). Tetapi dalam kajian ini pencapaian akademik anak-anak berada pada tahap yang rendah kerana jangkaan ibu bapa yang tinggi tidak dapat diterjemah dalam usaha-usaha untuk membimbing anak-anak.

Hubungan ibu bapa dan guru yang baik dapat membantu proses pembelajaran anak-anak. Kerjasama ibu bapa dan pihak sekolah dilihat sebagai membawa kekuatan persekitaran rumah dan kepakaran sekolah kepada perkongsian kerja antara keduanya (Berger, 2000). Komunikasi ibu bapa dan pihak sekolah melalui wakil rumah merupakan perantara yang berkesan dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa dengan pihak sekolah. Tuai rumah merupakan individu yang amat dihormati dalam masyarakat ini. Oleh itu, sekiranya maklumat sekolah disalurkan melalui tuai rumah maka dengan mudah mendapat kerjasama daripada semua anak-anak buahnya.

Ibu bapa sanggup terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah sekiranya pihak sekolah dapat mempermudahkan proses penglibatan mereka contohnya menyediakan segala peralatan yang diperlukan untuk kerja-kerja gotong royong dan menjalankan aktiviti-aktiviti bersesuaian dengan kelapangan masa ibu bapa. Aktiviti seperti mesyuarat PIBG kurang mendapat sambutan daripada ibu bapa kerana mereka tidak dapat melihat kepentingan dan peranan mereka dalam aktiviti tersebut.

## **Implikasi**

Penglibatan ibu bapa mendatangkan banyak kesan positif terhadap pelajar, sekolah dan ibu bapa sendiri (Pena, 2000). Bagi pelajar, kesan yang paling utama ialah dapat meningkatkan pencapaian akademik. Manakala bagi pihak sekolah pula, penglibatan ibu bapa dapat meningkatkan kualiti sekolah dan

bagi ibu bapa sendiri, ia dapat memupuk sikap yang lebih baik terhadap pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Pena (2000) mendapati halangan bahasa, klik ibu bapa, tahap pendidikan, sikap staf sekolah, pengaruh budaya dan isu keluarga seperti pengangkutan, penjagaan anak-anak, jadual kerja dan kelapanagan masa untuk melibatkan diri mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Dalam kajian ini didapati penglibatan ibu bapa berada pada tahap yang rendah kerana tiga faktor utama iaitu kemiskinan, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah dan kurang kemahiran keibubapaan. Downey (2002) menyatakan amalan keibubapaan mempunyai perkaitan yang kuat dengan status sosioekonomi. Taraf sosioekonomi juga mempengaruhi cara ibu bapa berinteraksi dengan guru dan staf sekolah. Oleh sebab kemiskinan, ibu bapa ini amat mengharapkan bantuan kewangan pendidikan dan biasiswa agar anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran. Bantuan kewangan yang diperlukan merangkumi pembelian keperluan sekolah, pembayaran yuran, perbelanjaan sekolah dan pembiayaan untuk melanjutkan pelajaran jika anak-anak mempunyai potensi untuk berjaya dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, dalam mengatasi masalah kemiskinan dan membangunkan kaum ini, program dan strategi yang sesuai perlu dilihat sebagai mempunyai elemen yang membantu dan bukannya menjadikan mereka terlalu bergantung (Hatta, 1993).

Pihak sekolah perlu menyedari bahawa ibu bapa walaupun mempunyai sikap positif terhadap pendidikan tetapi kebanyakan daripada mereka tidak bersekolah. Penglibatan ibu bapa yang rendah tahap pendidikan ini tidak boleh diabaikan kerana kajian membuktikan bahawa tanpa mengira tahap pendidikan, pendapatan dan latar belakang budaya, semua ibu bapa dapat menyumbang kepada kejayaan anak-anak (Henderson & Berla, 1996). Oleh itu, pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh pihak sekolah perlulah mempertimbangkan tahap pendidikan mereka. Contohnya komunikasi pihak sekolah secara lisan adalah lebih difahami berbanding komunikasi secara bertulis kerana ketidakupayaan ibu bapa untuk membaca. Ini dapat mengelak ibu bapa daripada merasa terhina dan keliru dengan mesej yang hendak disampaikan serta mengabaikannya. Penerangan yang diberikan perlulah dalam bentuk yang mudah dengan memberi contoh yang bersesuaian agar maksud yang ingin disampaikan tercapai.

Hal ini tidak boleh dipandang remeh kerana terdapat ibu bapa yang sukar memahami perkara yang hendak disampaikan oleh guru. Contohnya semasa guru memberi maklum balas mengenai pencapaian akademik pelajar seperti di bawah:

*“Anak kamu ada bagus sikitlah...sikit dia bilang... mana saya tahu, kalau macam minum air itu sikitlah...”*

(Responden 1, ibu)

Di samping itu, pihak sekolah juga perlu melihat halangan-halangan lain seperti bahasa, budaya dan persekitaran rumah mereka. Kebanyakan daripada kaum Penan ini selain daripada bertutur bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Penan mereka juga boleh berbahasa Iban dan Melayu. Aspek ini perlu diambil kira dalam komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa. Begitu juga dengan budaya, seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, ibu bapa mempunyai sifat terbuka terhadap perubahan. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut perlulah menggunakan mekanisme budaya yang bersesuaian (*culturally appropriate mechanism*) sebagaimana yang dicadangkan oleh Hook (2005) dalam kertas kerjanya mengenai *Native American* di Amerika Syarikat. Perubahan yang dirancang dalam masyarakat pribumi perlu mengambil kira nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat tersebut agar ia dapat diterima dengan baik oleh mereka. Menyentuh tentang persekitaran rumah pula, didapati jarak sekolah dengan rumah adalah jauh. Oleh itu, sekiranya pihak sekolah dapat menyediakan pengangkutan contohnya semasa mengadakan sesuatu aktiviti ini akan dapat menggalakkan kehadiran ibu bapa ke sekolah. Pihak sekolah dan ibu bapa perlu saling memahami kekuatan dan kelemahan masing-masing bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.

Walaupun ibu bapa kurang kemahiran keibubapaan, sikap positif mereka terhadap pendidikan dapat memudahkan mereka untuk mempelajari aspek ini sekiranya ada usaha-usaha diambil oleh pihak-pihak tertentu untuk membantu. Contohnya sekolah, institusi pengajian tinggi atau organisasi yang berkaitan boleh memainkan peranan dengan menganjurkan program dan bengkel yang bersesuaian bagi ibu bapa mempelajari kemahiran keibubapaan. Amalan seperti di luar negara yang menubuhkan pusat secara sukarela bagi mengendalikan program dan bengkel bagi membantu ibu bapa dalam meningkatkan kemahiran keibubapaan boleh dijadikan contoh (Neville, King, & Beak, 1998).

Sikap keterbukaan ibu bapa ini terhadap pembangunan membolehkan mereka menerima kehadiran individu-individu luar untuk membantu. Tambahan pula, mereka mempunyai hasrat untuk maju seiringan dengan kaum-kaum lain dalam pembangunan. Program dan bengkel ini adalah penting bagi membolehkan mereka lebih memahami peranan mereka sebagai ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Nilai-nilai yang ingin dipupuk oleh ibu bapa dalam pendidikan perlulah bersesuaian dengan kehendak semasa yang dapat membantu anak-anak menghadapi perubahan dalam masyarakat pada masa hadapan (Bigner, 1989).

## KESIMPULAN

Ibu bapa kaum Penan yang majoritinya miskin ini menunjukkan sikap positif terhadap pendidikan. Walau bagaimanapun, ibu bapa kurang berminat dalam pembelajaran anak-anak. Faktor-faktor yang mempengaruhi minat ibu bapa adalah tahap akademik yang rendah dalam kalangan ibu bapa dan kurangnya kemahiran keibubapaan. Ibu bapa meletakkan jangkaan yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak. Mereka ingin anak-anak berjaya dalam pelajaran tetapi tidak dapat memantau pencapaian akademik anak-anak dan membantu permasalahan akademik anak-anak. Ibu bapa mempunyai persepsi baik terhadap sekolah dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti umum sekolah seperti gotong royong dan hari sukan. Tetapi bagi mesyuarat PIBG kurang mendapat sambutan ibu bapa kerana mereka tidak dapat memberi komitmen dari segi masa dan jarak sekolah yang jauh. Selain daripada itu, mereka juga tidak dapat melihat peranan mereka dalam aktiviti PIBG.

Kajian ini tidak membabitkan guru dan pentadbir sekolah, hanya terhad dalam persekitaran tempat tinggal ibu bapa. Oleh itu, persepsi pihak sekolah terhadap penglibatan ibu bapa, penerimaan guru terhadap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti di sekolah dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak sekolah untuk menggalakkan penglibatan mereka juga merupakan aspek-aspek yang menarik untuk dikaji pada masa akan datang. Fokus kajian akan datang juga boleh dilihat dari segi variasi penglibatan ibu bapa yang lain seperti kerjasama dengan komuniti iaitu melihat kepada penggunaan sumber-sumber pembelajaran komuniti (contoh pusat-pusat perkhidmatan kaum Penan), penglibatan ibu bapa dengan kumpulan-kumpulan komuniti (contoh Persatuan Penan Sarawak) dan komunikasi ibu bapa dengan ibu bapa. Selain daripada

itu, perkaitan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik anak-anak juga boleh dikaji menggunakan analisa kuantitatif.

## Penghargaan

Versi awal artikel ini telah dibentangkan di 3rd *International Seminar on Learning and Motivation “Enhancing Student Engagement”*, Langkawi, Kedah, 10-12 Sept. 2005. Penghargaan ditujukan kepada UNIMAS kerana telah membiayai kajian “*Penan of Loagan Bunut: A Socio-economic Perspective*” 03(43)/450/2004(187), ahli kumpulan penyelidik, Penghulu, Ketua Kaum, Guru Besar, guru dan penduduk yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Saya juga merakam ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hew Cheng Sim, Cik Kamsiah Ali dan Cik Wan Robiah Meor Osman atas komen yang diberikan terhadap draf kertas kerja ini.

## Rujukan

- Baker, A. J. L., & Soden, L. M. (1997). *Parent involvement in children's education: A critical assessment of the knowledge base*. Kertas kerja yang dibentangkan di Annual Meeting of the American Educational Research Association, Chicago, IL.
- Berger, E. H. (2000). *Parents as partners in education: Families and schools working together* (5<sup>th</sup> ed.). Columbus, OH: Prentice Hall.
- Bigner, J. J. (1989). *Parent-child relations: An introduction to parenting* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: Macmillan.
- Catsambis, S. (1998). *Expanding knowledge of parental involvement in secondary education-effect on high school academic success* (CRESPAR Report 27). Baltimore, MD: Johns Hopkins University. <http://www.csos.jhu.edu/crespar/Reports/report27entire.htm>
- Downey, D. B. (2002). Parental and family involvement in education. Dalam A. Molnar (Ed.), *School reform proposals: The research evidence*. Tempe, AZ: Education Policy Unit (EPRU), College of Education. Arizona State University. <http://www.asu.edu/educ/eps1/EPRU/documents/EPRU%202002-101/Chapter%2006-Downey-Final.pdf>
- Epstein, J. L. (1992). School and family partnerships. Dalam M. Alkin (Ed.), *Encyclopedia of Educational Research*, (Sixth Edition) (m.s. 1139-1151). New York: MacMillan.
- Epstein, J. L. (1995). School/family/community partnerships: Caring for the children we share. *Phi Delta Kappan*, 76(9), 701-712.
- Fan, X., & Chen, M. (1999). *Parental involvement and students' academic achievement: A meta-analysis*. Arlington, VA: National Science Foundation, National Center for Education Statistics.
- Hamby, J. V. (1992). The school-family link: A key to dropout prevention. Dalam L. Kaplan (Ed.), *Education and the family* (m.s. 54-68). Boston: Allyn & Bacon.

- Hatta Solhee. (1993, September). *Cabarhan pembangunan: Strategi dan program kerajaan bagi membantu warga pribumi: Kes kaum Penan di Sarawak*. Kertas kerja yang dibentangkan di Kolokium Sehari: Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Henderson, A. T., & Berla, N. (1994). *A New Generation of Evidence: The family is critical to student achievement*. Washington, D.C: Center for Law and Education.
- Henderson, A. T., & Mapp, K. L. (2002). *A new wave of evidence: The impact of school, family, and community connections on student achievement*. Austin, Texas: Southwest Educational Development Laboratory.
- Ho Sui-Chu, E., & Willms, J. D. (1996). Effect of parental involvement on eighth-grade achievement. *Sociology of Education*, 69(2), 126-141.
- Hook, J. B. (2005, Julai). *Nurturing Tribal Partnerships: The Intersection of History, Culture, and U.S. E. P. A.'s Indian Program*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on the Indigenous People 2005: The Indigenous Population: Survival of Modern Living, Kuala Lumpur.
- Hoover-Dempsey, K. V., & Sandler, H. M. (1997). Why do parents become involved in their children's education? *Review of Educational Research*, 67(1), 3-42.
- Izzo, C. V., Weissberg, R. P., Kasprow, W. J., & Fendrich, M. (1999). A longitudinal assessment of teacher perceptions of parent involvement in children's education and school performance. *American Journal of Community Psychology*, 27(6), 817-839.
- Juli Edo. (1984, November). *Bentuk pendidikan dan masalah pencapaian akademik Orang Asli masa kini*. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Pembangunan dan Masa Depan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kellaghan, T., Sloane, K., Alvarez, B., & Bloom, B. S. (1993). *The home environment and school learning: Promoting parental involvement in the education of children*. San Francisco, CA: Jossey-Bass, Inc.
- Keith, T. Z., & Keith, P. B. (1993). Does parental involvement affect eighth-grade student achievement? Structural analysis of national data. *School Psychology Review*, 22(3), 474-496.
- Khaidir Ahmad. (1994). *Save the Penans*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Langub, J. (1985). *Report on the Penan of Long Lapuk Area, Middle Tinjar, Baram, 4<sup>th</sup> Division*. Kuching, Sarawak: State Planning Unit (SPU).
- LeBlanc, P. (1992). Parent-school interactions. Dalam L. Kaplan (Ed.), *Education and the family* (m.s. 132-140). Boston: Allyn & Bacon.
- Mapp, K. (2002). Making the connection between families and schools. *Harvard Education Letter*, 13(5), 1-3.
- Miedel, W. T., & Reynolds, A. J. (1999). Parent involvement in early intervention for disadvantaged children: Does it matter? *Journal of School Psychology*, 37(4), 379-402.
- Neville, D., King, L., & Beak, D. (1998). *Promoting positive parenting of teenagers*. England: Arena.
- Pena, D. C. (2000). Parent involvement: Influencing factors and implications. *The Journal of Education Research*, 94(1), 42-54.
- Walberg, H. J. (1984). Families as partners in educational productivity. *Phi Delta Kappan*, 65(6), 397-400.
- Williams, D. B. (1998). *Parent involvement gender effects on preadolescent student performance*. Kertas kerja yang dibentangkan di Annual Meeting of the American Educational Research Association, San Diego, CA.
- Wissbrun, D. & Eckart, J. A. (1992). Hierarchy of parental involvement in schools. Dalam L. Kaplan (Ed.), *Education and the family* (m.s. 119-131). Boston: Allyn & Bacon.